

A Isi tempat kosong dengan kata banyak makna yang betul.

segar

baik

membalas

ada

kuat

ekor

datuk

- 1 (a) Adik _____ lima biji guli yang berwarna-warni.
(b) Kotak itu masih _____ di atas meja sejak minggu lepas.
- 2 (a) Bangunan baharu itu dimiliki oleh seorang lelaki kaya yang bergelar _____.
(b) Kami berasa seronok dapat pulang ke kampung _____ pada cuti sekolah kali ini.
- 3 (a) Tubuh Adam berasa _____ selepas mandi.
(b) Puan Janet memetik sayur-sayuran yang _____ di kebun mininya.
- 4 (a) Razman tidak tahu hendak _____ jasa baik jirannya yang banyak menolong ketika dalam kesusahan.
(b) Cik Nabila terdiam sebentar sebelum _____ mesej pesanan ringkas yang diterimanya itu.
- 5 (a) Puan Ratna akan memilih produk yang _____ kualitinya sahaja untuk dijual.
(b) Budak _____ itu sering mendapat pujian daripada guru-guru di sekolah.
- 6 (a) Ayah memesan sup _____ semasa makan di Restoran Singgah Selalu.
(b) Wanita itu memelihara lebih sepuluh _____ kucing di rumahnya.
- 7 (a) Pak Cik Yasin masih _____ bekerja walaupun usianya sudah lanjut.
(b) Bunyi _____ dari bilik itu mengganggu kami yang sedang tidur.